

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan agensi negeri, iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan penyata kewangan agensi negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 24 daripada 26 penyata kewangan agensi Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dikemukakan untuk diaudit. Sebanyak dua penyata kewangan masih belum diterima.
- Sebanyak tujuh BBN, 11 PBT dan MAIS telah mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sebelum 30 April 2022. Sebanyak empat BBN dan satu PBT telah mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 Jun 2022.
- Sebanyak lima penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dan dua Pendapat Berteguran, iaitu Lembaga Urus Air Selangor dan Kumpulan Wang Hospital Tai Wa. Sebanyak 19 penyata kewangan agensi masih belum disahkan, iaitu MAIS, tujuh BBN dan 11 PBT.

Apa Yang Disyorkan Audit

- Kerjasama agensi di semua peringkat termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan telah memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:
 - agensi perlu memastikan penyerahan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan
 - agensi hendaklah memastikan semua rekod kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemaskini bagi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

Bilangan Agensi Negeri		26 Akaun Agensi	
13	Badan Berkanun Negeri	5	Pendapat Tanpa Teguran
12	Pihak Berkuasa Tempatan	2	Pendapat Berteguran
1	Majlis Agama Islam	19	Belum Disahkan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri, iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 26 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, 13 merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh/Enakmen Badan Berkanun Negeri, 12 merupakan penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu MAI yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi MAI, enam penyata kewangan BBN dan dua penyata kewangan PBT manakala baki 17 penyata kewangan dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2022, 11 daripada 13 BBN telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Daripada 11 BBN, tujuh telah mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 April 2022 manakala empat mengemukakannya selepas tempoh tersebut. Baki dua BBN masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit, iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dan Majlis Sukan Negeri Selangor.

3.2. Penyerahan penyata kewangan oleh PBT setakat 31 Ogos 2022 pula adalah 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 April 2022 manakala satu PBT mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh tersebut, iaitu Majlis Perbandaran Kajang. Majlis Agama Islam Selangor telah mengemukakan penyata kewangan pada 27 April 2022. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI,
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Wakaf Selangor	10.03.2022
2.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	18.04.2022
3.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	27.04.2022
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	28.04.2022
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	29.04.2022
6.	Lembaga Urus Air Selangor	29.04.2022
7.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	29.04.2022
8.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	20.05.2022
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	31.05.2022
10.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	02.06.2022
11.	Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria	02.06.2022
12.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Belum diterima
13.	Majlis Sukan Negeri Selangor	Belum diterima
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Selangor	27.04.2022
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	31.03.2022
2.	Majlis Perbandaran Sepang	26.04.2022
3.	Majlis Perbandaran Hulu Selangor	26.04.2022
4.	Majlis Bandaraya Subang Jaya	28.04.2022
5.	Majlis Perbandaran Selayang	28.04.2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
6.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	28.04.2022
7.	Majlis Perbandaran Kuala Langat	28.04.2022
8.	Majlis Daerah Sabak Bernam	28.04.2022
9.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	29.04.2022
10.	Majlis Perbandaran Klang	29.04.2022
11.	Majlis Perbandaran Kuala Selangor	29.04.2022
12.	Majlis Perbandaran Kajang	13.05.2022

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2021 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.2. Setakat 1 Januari 2020, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi di negeri Selangor bagi tahun kewangan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)	10
2.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	16
JUMLAH		26

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter - EOM]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter - OM]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters - KAM]

ISSAI 1701 menyatakan perenggan Perkara Utama Audit (KAM) meliputi isu signifikan dalam tahun semasa dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai tadbir urus.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan berlaku semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer).

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata sama ada secara individu/agregat serta material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan tujuh daripada 24 penyata kewangan tahun 2021 yang telah diterima. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun kewangan 2017 sehingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
JENIS PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 SEHINGGA 2021

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2017	2018	2019	2020	2021*
1.	Pendapat Tanpa Teguran	20	18	21	21	5
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara	2	3	1	2	-
3.	Pendapat Berteguran	4	4	3	2	2
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	1	-	-
5.	Penafian Pendapat	-	-	-	1	-
JUMLAH		26	26	26	26	7

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017-2021

Nota: (*) Status pengesahan penyata kewangan agensi sehingga 31 Ogos 2022

5.4. Status pengauditan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 bagi kesemua 26 agensi negeri adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Perbadanan Wakaf Selangor	Selesai
2.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	Selesai
3.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	Selesai
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	Selesai
5.	Lembaga Urus Air Selangor	Selesai
6.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Selesai
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Dalam proses pengauditan
8.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	Dalam proses pengauditan
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	Dalam proses pengauditan
10.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	Dalam proses pengauditan
11.	Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria	Dalam proses pengauditan
12.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Belum diterima
13.	Majlis Sukan Negeri Selangor	Belum diterima
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Selangor	Dalam proses pengauditan

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Klang	Selesai
2.	Majlis Perbandaran Sepang	Dalam proses pensijilan
3.	Majlis Perbandaran Kuala Langat	Dalam proses pensijilan
4.	Majlis Perbandaran Selayang	Dalam proses pensijilan
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Dalam proses pensijilan
6.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Dalam proses pensijilan
7.	Majlis Perbandaran Kajang	Dalam proses pensijilan
8.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Dalam proses pengauditan
9.	Majlis Perbandaran Hulu Selangor	Dalam proses pengauditan
10.	Majlis Bandaraya Subang Jaya	Dalam proses pengauditan
11.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Dalam proses pengauditan
12.	Majlis Perbandaran Kuala Selangor	Dalam proses pengauditan

Sumber: Jabatan Audit Negara dan FAS

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2020

5.5.1. LKAN Tahun 2020 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Selangor Tahun 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat (2 Disember 2021) dan Dewan Undangan Negeri (15 Mac 2022) hanya melaporkan status Sijil Ketua Audit Negara bagi dua daripada 26 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Hal ini kerana 24 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2021.

5.5.2. Setakat 31 Ogos 2022, kesemua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 26 penyata kewangan tersebut adalah sembilan penyata kewangan BBN, 11 penyata kewangan PBT dan penyata kewangan MAI telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak dua penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM, dua penyata kewangan agensi diberikan Pendapat Berteguran dan satu penyata kewangan diberikan Penafian Pendapat. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM, PENDAPAT BERTEGURAN
DAN PENAFIAN PENDAPAT BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM		
1.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa (KWHTW)	Perkara 2.7 dalam Minit Mesyuarat Penutup Pengauditan Penyata Kewangan KWHTW bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 menyatakan mengenai cadangan dalam mesyuarat lembaganya pada 22 November 1973 untuk membubarkan Kumpulan Wang ini memandangkan ia tidak lagi berfungsi mengikut tujuan asal kewujudannya bermula 28 Mei 1974. Bagaimanapun, sehingga kini pembubaran masih belum dilaksanakan.
2.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)	Sejumlah RM80,713,224 daripada akaun penghutang adalah merupakan baki penghutang yang tidak bergerak melangkaui tempoh setahun dan tiada peruntukan hutang ragu dibuat ke atasnya.
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	<p>Hartanah, Loji dan Peralatan - RM432,953 dan Hartanah Pelaburan - RM83,765,666</p> <p>Enam lot tanah, iaitu PT2511, PT2512, PT2513, PT8850, PT8851 dan PT8857 serta beberapa unit rumah, gerai dan kedai pejabat yang disewakan bagi tujuh bangunan yang disewakan, iaitu Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kg. Baru Hicom, Rumah Awam Kos Rendah (RAKR), Pangsapuri Taman Damai Utama, Rumah Kos Rendah Kelana Idaman, Pangsapuri Seri Nuang, Pangsapuri Kg. Raja Uda dan Kedai Pejabat di Jalan Raya Barat milik LPHS tidak diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan serta Hartanah Pelaburan. Oleh itu, Hartanah, Loji dan Peralatan serta Hartanah Pelaburan tidak diiktiraf sepenuhnya dan nilai sebenar tidak dilaporkan dengan benar dan saksama.</p> <p>Dagangan dan Penghutang Lain - RM117,033,768</p> <p>Baki akhir penghutang RAKR pada lejar kewangan adalah berjumlah RM4,213,898 manakala Sistem RAKR merekodkan jumlah tunggakan sebanyak RM6,219,845. Oleh itu, terdapat perbezaan yang tidak dapat dikenal pasti berjumlah RM2,005,947. Laporan pengumuman penghutang yang melebihi tempoh satu tahun juga tidak disediakan menyebabkan semakan terhadap peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk tidak dapat dilaksanakan.</p> <p>Selain itu, penalti dan sumbangan yang dikenakan kepada pemaju melibatkan 7% bayaran balik potongan harga Bumiputera dan 5% caj pelanggaran mekanisme penyelenggaraan kuota Bumiputera berjumlah RM2,475,995, 30% sumbangan pengecualian rumah mampu milik berjumlah RM1,237,500 dan sumbangan pengecualian pembinaan rumah kos sederhana berjumlah RM600,000 LPHS tidak diakrukan. Oleh itu, aset dan liabiliti telah terkurang nyata.</p> <p>Pendapatan Operasi yang Lain - RM118,497,728</p> <p>Hasil sewaan dan bil air bagi PPR Kg. Baru Hicom, PPR Serendah, Pangsapuri Seri Nuang, Pangsapuri Kg. Raja Uda, Pangsapuri Kelana Idaman, Kedai Pejabat di Jalan Raya Barat, Pangsapuri Astria, Pangsapuri Damai Utama, Pangsapuri De Kiara, Pangsapuri Gapura Bayu, Pangsapuri Kapar, Pangsapuri Ken Rimba, Pangsapuri Seri Utama, Pangsapuri Seroja, Pangsapuri Coalfield, Pangsapuri Tanming Mutiara, Pangsapuri Trifolis dan Pangsapuri Tun Teja tidak direkodkan dan diakrukan berjumlah RM2,651,571. Oleh itu, hasil dan aset telah terkurang nyata.</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
		<p>Transaksi Kewangan Tidak Diakaunkan Dengan Sempurna</p> <p>Terdapat transaksi yang tidak diakaunkan dengan sempurna antaranya baki bayaran bagi Pangsapuri Bandar Bukit Raja 17B yang telah siap dibina pada 6 Oktober 2020 berjumlah RM2,239,000 tidak diakrukan pada tahun semasa, tuntutan bayaran Kerja Dalam Pembinaan tahun 2019 yang diterima pada tahun 2020 berjumlah RM2,051,000 tidak dibuat pelarasan tahun sebelum, tuntutan kos tanah yang diterima pada tahun 2019 berjumlah RM622,820 tidak diakrukan pada tahun 2019 dan pendapatan sewaan bagi 128 unit PPR Taman Tasik Serendah tidak diakaunkan.</p> <p>Amaun Cagaran dan Deposit Dibayar serta Cagaran dan Deposit Diterima Tidak Dapat Disahkan</p> <p>Amaun Cagaran dan deposit tidak dapat disahkan kerana lejar subsidiari atau senarai deposit tidak disediakan dan rekod penyewa tidak dikemaskini. Antara cagaran dan deposit yang terlibat adalah Cagaran Tenaga Nasional Berhad berjumlah RM105,315, Cagaran Perbadanan Urus Air berjumlah RM78,150, Deposit Pembelian RAKR 7 Skim RM283,402 serta Deposit Sewaan dan Pembelian Setinggalan PPR Kg. Baru HICOM masing-masing berjumlah RM471,168 dan RM171,940.</p>
2.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	<p>Wang Cagaran Tidak Dapat Disemak - RM6,276,411</p> <p>Wang Cagaran berjumlah RM6,276,411 tidak dapat disemak kewujudan dan ketepatan nilai kerana tidak mendapat dokumen sokongan yang mencukupi dan laporan pengumuran tidak disediakan. Selain itu, senarai Wang Cagaran yang disediakan berjumlah RM9,069,365 mempunyai perbezaan sebanyak RM2,792,954.</p> <p>Penghutang Urus Niaga Bukan Pertukaran Tidak Dapat Disemak - RM3,610,270</p> <p>MDSB telah melaporkan baki Penghutang Urus Niaga Bukan Pertukaran berjumlah RM6,772,900. Bagaimanapun, Penghutang Caruman Membantu Kadar Agensi, Penghutang Denda Lewat, Penghutang Waran F, Penghutang Cukai Lain dan Penghutang Sewaan Harta-harta Majlis berjumlah RM3,610,270 tidak dapat disemak kewujudan serta ketepatan nilai kerana tidak mendapat dokumen sokongan yang mencukupi dan laporan pengumuran tidak disediakan.</p> <p>Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang Tidak Dapat Disemak - RM262,561</p> <p>MDSB telah melaporkan baki Pemiutang dan Pelbagai Pemiutang berjumlah RM397,537. Bagaimanapun, sejumlah RM262,561 daripada baki tersebut tidak dapat disemak kewujudan, ketepatan pengiktirafan serta nilai kerana tidak mendapat dokumen sokongan yang mencukupi dan laporan pengumuran tidak disediakan.</p>
PENAFIAN PENDAPAT		
1.	Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)	<p>Hartanah, Loji dan Peralatan</p> <p>Nilai buku bersih Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM17.90 juta tidak dapat disahkan seperti berikut:</p> <p>i. Penjualan tanah pajakan dengan nilai buku bersih berjumlah RM17.25 juta tidak diambil kira ke dalam penyata kewangan menyebabkan item Tanah Pajakan terlebih nyata amaun yang sama, pelunasan tanah pajakan terlebih nyata sebanyak RM74,875 dan Rizab Penilaian Semula juga terlebih nyata berjumlah RM2.44 juta.</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
		<p>ii. Pengesahan tidak dapat dibuat terhadap nilai buku bersih Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM0.65 juta, iaitu tidak termasuk Tanah Pajak disebabkan perbezaan amaun pada daftar aset dan lejar am melibatkan baki susut nilai terkumpul, peruntukan susut nilai tahun semasa dan pelupusan.</p> <p>Wang di Bank</p> <p>Baki Wang di Bank sejumlah RM1.22 juta di bawah Aset Semasa dan RM7.19 juta di bawah Liabiliti Semasa tidak dapat disahkan kerana penyata penyesuaian bank tidak dikemukakan serta pengesahan daripada pihak ketiga tidak diperoleh. Oleh itu, pengesahan terhadap kewujudan, kesempurnaan dan ketepatan transaksi yang direkodkan pada lejar am tidak dapat dibuat. Selain itu, pelarasan terhadap bayaran tidak wajar tahun 2019 berjumlah RM1.40 juta dan 2020 berjumlah RM0.55 juta masih belum diambil tindakan.</p> <p>Simpanan Tetap</p> <p>Pengesahan terhadap Simpanan Tetap berjumlah RM4.14 juta tidak dapat dibuat kerana keseluruhan dokumen sokongan tidak dikemukakan dengan lengkap dan daftar simpanan tetap tidak disediakan. Pengesahan daripada pihak bank juga tidak diperoleh.</p> <p>Belum Terima Lain dan Deposit</p> <p>Pengesahan terhadap Belum Terima Lain dan Deposit berjumlah RM4.49 juta tidak dapat dibuat. Ketinggalan dan kesilapan rekod menyebabkan Akaun Kontra Am berbaki debit berjumlah RM2.89 juta dan Akaun Kontra UPEN berbaki debit berjumlah RM927,294. Kedua-dua akaun tersebut sepatutnya tidak mempunyai baki atau berbaki kredit pada akhir tahun.</p> <p>Belum Bayar Lain dan Perbelanjaan Terakru</p> <p>Termasuk dalam item Belum Bayar Lain dan Perbelanjaan Terakru berjumlah RM17.97 juta adalah akaun Baik Pulih Kemudahan Sukan yang tidak dapat disahkan berjumlah RM378,309 berikutan penggunaan kod akaun yang tidak teratur. Selain itu, akaun Belum Bayar Lain juga terkurang nyata sejumlah RM0.89 juta.</p> <p>Pendapatan</p> <p>Termasuk dalam pendapatan berjumlah RM32.49 juta adalah Geran Mengurus berjumlah RM5.53 juta dan Geran Pembangunan berjumlah RM6.82 juta yang tidak dapat disahkan. Geran Mengurus berjumlah RM5.13 juta tidak direkodkan dalam lejar am dan dokumen sokongan tidak dikemukakan untuk pengesahan. Geran Pembangunan berjumlah RM3.07 juta tidak diakaunkan mengikut Seksyen 24 MPERS.</p> <p>Perbelanjaan</p> <p>Termasuk dalam perbelanjaan adalah item gaji kakitangan berjumlah RM2.24 juta yang tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan termasuk baucar bayaran tidak dikemukakan dengan lengkap.</p> <p>Penyata Aliran Tunai</p> <p>Penyata Aliran Tunai yang disediakan tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan tidak dikemukakan. Selain itu, persembahan Penyata Aliran Tunai adalah tidak selaras dengan pelaporan kewangan Seksyen 9 MPERS.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan tujuh enakmen penubuhan BBN menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor (DNS). Bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menghendaki satu salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan seterusnya dibentangkan di DNS.

6.2. Sebanyak tiga penyata kewangan agensi tahun 2020 yang disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di DNS berdasarkan Akta/Enakmen yang dinyatakan seperti perenggan di atas. Bagaimanapun, tujuh penyata kewangan agensi tidak perlu dibentangkan di DNS berdasarkan Akta Tubuh/Enakmen BBN masing-masing dan Enakmen MAIS. Agensi terlibat ialah Perbadanan Wakaf Selangor, Majlis Sukan Negeri Selangor, Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee, Kumpulan Wang Hospital Tai Wa, Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria, Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney dan Majlis Agama Islam Selangor. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN NEGERI SELANGOR

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN
1.	Lembaga Urus Air Selangor	15.03.2022
2.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	15.03.2022
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	25.07.2022
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	Belum bentang
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	Belum bentang
6.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	Belum bentang
7.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Belum bentang
8.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Belum bentang
9.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Belum bentang
10.	Majlis Bandaraya Subang Jaya	Belum bentang
11.	Majlis Perbandaran Klang	Belum bentang
12.	Majlis Perbandaran Kajang	Belum bentang
13.	Majlis Perbandaran Sepang	Belum bentang
14.	Majlis Perbandaran Selayang	Belum bentang
15.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Belum bentang
16.	Majlis Perbandaran Kuala Langat	Belum bentang
17.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Belum bentang
18.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Belum bentang
19.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Belum bentang

Sumber: Dewan Negeri Selangor pada 15 Mac dan 25 Julai 2022

7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2022, sebanyak lima penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dan dua Pendapat Berteguran. Dua agensi yang diberi Pendapat Berteguran ialah Lembaga Urus Air Selangor dan Kumpulan Wang Hospital Tai Wa. Sebanyak 19 penyata kewangan agensi masih belum disahkan, iaitu penyata kewangan MAI, tujuh penyata kewangan BBN dan 11 penyata kewangan PBT.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama agensi di semua peringkat termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan telah memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

8.1. agensi perlu memastikan penyerahan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan

8.2. agensi hendaklah memastikan semua rekod kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemaskini bagi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.